Sher Siow Yin (isteri yang sah kepada Lim Chuang Ser, si mati) dan satu lagi lwn CDT Venture Sdn Bhd dan satu lagi

A

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN SIVIL NO 12NCVC-30–3 TAHUN 2012
UMI KALTHUM H
3 JULAI 2012

B

C

Prosedur Sivil — Pindaan — Pernyataan tuntutan — Penggantian dan penamaan semula defendan-defendan — Sama ada perkara yang mengaibkan, remeh dan salahguna proses mahkamah — Penyerahan kertas kausa — Sama ada A 43 k 3(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dipatuhi — Akta Prosiding Kerajaan 1956 ss 5 & 6

D

Si mati telah meninggal dunia akibat kemalangan. Oleh itu, sebagai waris-waris yang sah, perayu-perayu telah menuntut ganti rugi di bawah ss 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956 terhadap responden kedua atas kecuaian responden pertama yang bertindak sebagai ejen/wakil responden kedua. Perayu-perayu telah meminda saman dan pernyataan tuntutan mereka dan nama responden kedua dipinda daripada 'Kerajaan' kepada 'Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Undang-Undang Negeri Johor, Tingkat 3, Kompleks MBSS, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, 79100 Nusajaya, Johor Bahru, Johor'. Perayu-perayu kemudiannya menarik balik rayuan terhadap responden pertama.

E

F

Diputuskan, menolak rayuan dengan kos:

(1) Pindaan saman dan pindaan pernyataan tuntutan yang difailkan oleh perayu-perayu tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan yang munasabah dan merupakan suatu perkara yang mengaibkan, remeh dan menyusahkan selain suatu salahguna proses mahkamah. Dengan menamakan responden kedua sebagai 'Kerajaan Negeri Johor', perayu-perayu telah tidak mematuhi peruntukan ss 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta') (lihat perenggan 5(a)).

G

H

(2) Perayu-perayu telah gagal menunjukkan wujudnya tanggungan responden kedua apabila mereka gagal menamakan sesiapa penjawat awam yang didakwa telah cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya. Responden kedua tidak perlu bergantung kepada apa-apa afidavit kerana tidak wajar bagi peguamcara perayu-perayu mengikrarkan dalam afidavit jawapannya bahawa perayu-perayu seharusnya diberikan peluang sekali lagi untuk meminda saman dan pernyataan tuntutan mereka. Tiada sebab munasabah yang dikemukakan kepada mahkamah menimbang

I

A sama ada kesilapan tersebut benar-benar suatu kesilapan atau satu usaha memperbaiki kedudukannya (lihat perenggan 5(b)).

(3) Perayu-perayu tidak mematuhi peruntukan s 26 Akta dan A 43 k 3(2)(b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 kerana telah menyerahkan B saman dan pernyataan tuntutan mereka kepada Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Johor di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Kertas kausa tersebut sepatutnya diserahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (lihat perenggan 5(c)).

C **[English summary**

The deceased died as a result of an accident. Therefore as the lawful heirs, the appellant claimed for damages under ss 7 and 8 of the Civil Law Act 1956 against the second respondent on the negligence of the first respondent who had acted as the agent/representative of the second respondent. The appellants D amended the summons and the statement of claim and the second respondent's name had been changed from 'Kerajaan' to 'Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Undang-Undang Negeri Johor, Tingkat 3, Kompleks MBSS, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, 79100 Nusajaya, Johor Bahru, Johor'. The appellants then withdrew the appeal against the first respondent. E

Held, dismissing the appeal with costs:

(1) The amended summon and amended statement of claim which was filed by the appellants did not disclose any reasonable cause of action and was, F frivolous, vexatious, scandalous and an abuse of the court process. By stating the second respondent as 'Kerajaan Negeri Johor', the appellants had disobeyed the provisions of ss 5 and 6 of the Government Proceedings Act 1956 ('the Act') (see para 5(a)).

G (2) The appellants had failed to show the existence of the second respondent's liability when they failed to give the name of the public officer who was alleged to have been negligent in carrying out his duties. The second respondent need not rely on any affidavit as it was inappropriate for the appellant's counsel to affirm in his affidavit that the H appellant ought to have given another opportunity to amend their summons and statement of claim. There was no reasonable excuse adduced to the court to consider whether the error was accidental or an opportunity to rectify its position (see para 5(b)).

(3) The appellants did not comply with the provisions of s 26 of the Act and I O 43 r 3(2)(b) of the Subordinate Courts Rules 1980 as he had served the summons and the statement of claim to the Assistant Legal Adviser of the Johor State at the Johor State Legal Adviser's office. The cause papers should have been served on the Secretary of the Johor State Government (see para 5(c)).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pernyataan tuntutan, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 636–657.

Kes-kes yang dirujuk

Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors [2009] 1 MLJ 1; [2009] 1 CLJ 663, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Prosiding Kerajaan 1956 ss 5, 6, 26
Akta Undang-Undang Sivil 1956 ss 7, 8
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 21, A 43 k 3(2)(b)

Siti Aisah bt Ithnin (Lee Yin Shaiur & Co) bagi pihak perayu.
Anis Wahidah (Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak responden.

Umi Kalthum H:

RAYUAN

[1] Perayu-perayu telah merayu terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') bertarikh 29 Februari 2012 ('keputusan tersebut') yang telah membenarkan permohonan responden kedua/defendan kedua bertarikh 17 Januari 2012 untuk membatalkan tuntutan plaintif-plaintif/perayu-perayu dengan kos di bawah A 14 k 21 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KKMR').

LATARBELAKANG

[2] Perayu-perayu telah menuntut terhadap responden kedua atas yang didakwa kecuaian responden pertama sebagai agen/wakil kepada responden kedua di mana perayu-perayu telah menuntut ganti rugi di bawah ss 7 dan 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956 kematian Lim Chuang Ser, 'si mati'. Si mati telah meninggal dunia akibat kemalangan yang dialaminya di jambatan putus di Sungai Sepuloh, Paloh Kluang.

[3] Adalah diperhatikan perayu-perayu telah pun membuat pindaan bertarikh 11 Mei 2010 kepada saman dan pernyataan tuntutan mereka sekali, di mana nama responden kedua dipinda daripada 'Kerajaan' kepada 'Kerajaan Negeri Johor, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor, Tingkat 3, Kompleks MBSS, Pusat Pentadbiran Kerajaan Negeri Johor, 79100 Nusajaya, Johor Bahru, Johor'.

[4] Rayuan terhadap responden pertama telah pun ditarik balik oleh perayu-perayu pada 24 Mei 2012.

KEPUTUSAN

[5] Saya menolak rayuan perayu-perayu dengan kos RM5,000 dan saya kekalkan keputusan tersebut. Alasan-alasan saya adalah seperti berikut:

(a) saya dapati bahawa pindaan saman dan pindaan pernyataan tuntutan bertarikh 11 Mei 2010 yang difailkan oleh perayu-perayu tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah, ia adalah suatu perkara yang mengaibkan, remeh dan menyusahkan dan adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah;

(b) saya bersetuju dengan hujahan Penasihat Undang-undang Negeri Johor yang bijaksana ('PUU') bahawa dengan menamakan responden kedua sebagai 'Kerajaan Negeri Johor', perayu-perayu telah tidak mematuhi peruntukan ss 5 dan 6 Akta Prosiding Kerajaan 1956 ('Akta 359') yang adalah seperti berikut:

> Liability of the Government in tort
>
> 5 Subject to this Act, the Government shall be liable for any wrongful act done or any neglect or default committed by any public officer in the same manner and to the same extent as that in which a principal, being a private person, is liable for any wrongful act done, or any neglect or default committed by his agent, and for the purposes of this section and without prejudice to the generality thereof, any public officer acting or purporting in good faith to be acting in pursuance of a duty imposed by law shall be deemed to be the agent of and to be acting under the instructions of the Government.
>
> 6 (1) No proceedings shall lie against the Government by virtue of section 5 in respect of any act, neglect or default of any public officer, unless proceedings for damages in respect of such act, neglect or default would have lain against such officer personally.

Perayu-perayu telah gagal menunjukkan wujudnya tanggungan responden kedua apabila mereka gagal menamakan sesiapa penjawat awam yang didakwa telah cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya. Maka dengan itu sahaja perayu-perayu telah tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah terhadap responden kedua dan tuntutan mereka seharusnya dibatalkan dengan kos. Bagi alasan ini responden kedua tidak perlu bergantung kepada apa-apa afidavit. Adalah tidak wajar bagi peguam cara perayu-perayu mengikrar dalam afidavit jawapannya bahawa perayu-perayu seharusnya diberi peluang sekali lagi untuk meminda saman dan pernyataan tuntutan mereka untuk membolehkan mereka memasukkan 'Pengarah Jabatan Kerja Raya

Negeri Johor' sebagai defendan kedua dan Kerajaan Negeri Johor dijadikan defendan ketiga. Pendirian perayu-perayu ini seolah-olahnya memohon mahkamah membenarkan perayu memperbetulkan plidingnya tanpa mereka mengambil kira kesan sampingannya terhadap pernyataan tuntutannya sendiri serta kedudukan defendan yang lain. Tiada sebab munasabah telah dikemukakan kepada mahkamah untuk mahkamah menimbang samada 'kesilapan' ini benar-benar adalah suatu kesilapan atau pun suatu usaha untuk memperbaiki kedudukannya vis responden kedua dan dengan itu menjejaskan kedudukan responden kedua. Saya rujuk kepada keputusan *Kerajaan Malaysia & Ors v Lay Kee Tee & Ors* [2009] 1 MLJ 1; [2009] 1 CLJ 663, di mana YA Nik Hashim (HMP) (pada masa itu) telah memutuskan di perenggan 16–17, ms 15 (MLJ), ms 678 (CLJ) seperti berikut:

> [16] … Therefore, on the proper construction of ss 5– 6 of the Act 359, in any claim in tort against the government, the officer of the government who was responsible for the alleged tortious act must be made a party and his liability be established before the government can be made liable vicariously as principal. It would be insufficient to merely identify the officer without joining the officer as a party because liability by evidence needs to be established. It is only upon a successful claim against the officer personally can a claim be laid against the government.
>
> [17] In the present case, all the eight causes of actions are actions in tort or tort-based premised on the act or omission of an individual. None of the governments sued is capable of committing the wrong pleaded. Since the governments' liability in tort can only be vicarious by virtue of ss 5–6 of the Act 359, and as the officers who were responsible for the alleged wrongdoing were not joined as defendants to the action, it is therefore not possible in law to maintain a successful claim in tort against the governments as primary tortfeasors. That being so, the appellants' application to strike out the respondents' actions is meritorious.

(c) perayu-perayu telah juga tidak mematuhi peruntukan s 26 Akta 359 dan A 43 k 3(2)(b) KKMR kerana telah menyerahkan saman dan pernyataan tuntutan mereka kepada Penolong Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Johor di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Perayu-perayu sepatutnya menyerahkan kertas kausanya kepada setiausaha Kerajaan Negeri Johor. Saya perhatikan kesilapan ini biasa dilakukan oleh pihak-pihak bertikai apabila ingin mengambil tindakan terhadap Kerajaan Negeri Johor, walhal peguamcara-peguamcara yang

A mengendalikan kes-kes yang berkenaan seharusnya mengetahui tentang peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut dan tidak mengambil ringan terhadapnya.

Rayuan ditolak dengan kos.

B

Dilaporkan oleh Ibnu Aswan

C

D

E

F

G

H

I